



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN #penangproduktif

TARIKH / MASA / TEMPAT

05 MAC 2021 (JUMAAT)

8.00 MALAM

BERHADAPAN MENARA BANDARAYA MBSP

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dr Mazrina Mohamed Ibramsah
Pengarah Wilayah Perbadanan Produktiviti Malaysia
Wilayah Utara

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Warga Kerja MBSP

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat malam dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada malam yang barakah dan nyaman ini di Majlis Pelancaran **#penangproduktif**.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dr Mazrina Mohamed Ibramsah, Pengarah Wilayah Perbadanan Produktiviti Malaysia, Wilayah Utara dan Pegawai-Pegawai Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) atas jalinan kerjasama bersama MBSP serta kerjasama di dalam pemasangan mercu tanda **#penangproduktif** di hadapan Menara Bandaraya, Bandar Perda.

Izinkan juga saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada

malam ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

**Yang Berbahagia Dr, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Perbadanan Produktiviti Malaysia atau *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) adalah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang berfungsi sebagai pemacu produktiviti negara. Ia berperanan meningkatkan produktiviti, daya saing, inovasi serta kreativiti ke tahap tertinggi.

Dalam usaha untuk mentransformasikan Pulau Pinang sebagai Negeri Produktif, lima teras utama strategi telah dikenalpasti iaitu modal insan, teknologi, insentif, peraturan dan minda produktif yang akan memberi manfaat kepada sektor awam dan sektor swasta negeri Pulau Pinang selaras dengan hasrat negeri untuk melaksanakan Wawasan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (*Penang 2030*).

Semasa pandemik COVID-19, MBSP telah menggunakan pendekatan *Behavioral Insight* iaitu satu cabang ilmu daripada *Behavioral Sciences* untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh MBSP. Empat kunci utama dalam *Behavioral Insight* ialah:-

- i. *Make it Easy*
- ii. *Make it Attractive*
- iii. *Make it Social*
- iv. *Make it Timely*

Program yang telah berjaya dilaksanakan adalah :-

- i. Pasukan 'Tanya Saya' untuk membantu penggunaan MBSPPay.
- ii. Pembukaan *Cyber Counter Corner* untuk melatih orang awam menggunakan *Cyber Counter* dan membuat transaksi secara virtual.
- iii. Penubuhan *Seberang Perai City Channel (SPCC)* sebagai saluran media untuk menyampaikan maklumat terkini MBSP.
- iv. Menyediakan hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran iaitu hadiah pertama RM10,000, hadiah kedua RM5,000, hadiah ketiga RM3,000, hadiah keempat RM2,000, hadiah kelima hingga kesepuluh RM1,000 setiap akaun dan 30 hadiah yang lain berupa peralatan sukan dan rekreasi, peralatan telekomunikasi, barangan elektrik dan perkakasan

rumah. MBSP telah berjaya menaikkan transaksi *online* daripada 55.63 % iaitu 119, 752 transaksi pada tahun 2020 kepada 69.11 % iaitu 133,480 transaksi sehingga Februari 2021. Nilai transaksi *online* dari 1 Januari hingga 28 Februari 2021 adalah RM 59, 841, 727 berbanding tempoh yang sama iaitu 1 Januari hingga 28 Februari 2020 iaitu RM 46, 912, 949.

- v. *Scan Park and Pay* untuk memudahkan bayaran cukai taksiran, memudahkan transaksi serta memudahkan pembayaran melalui *online* tanpa perlu turun dari kenderaan, telah dilancarkan pada 16 Februari 2021.
- vi. Meluluskan lesen yang tidak berisiko pada hari yang sama permohonan dibuat. Pengeluaran lesen serta-merta untuk permohonan lesen premis dan iklan (tidak berisiko dalam skim), lesen penjaja dan lesen veterinar. Usaha ini telah meningkatkan pengeluaran lesen tersebut di atas sebanyak 6% (bersih) iaitu 61,474 lesen pada tahun 2020 berbanding 2019 iaitu 57,829 lesen.
- vii. Penggunaan *Cyber Bill*, 72, 227 *cyberbill* cukai taksiran telah dihantar dari 1 Januari hingga 28 Februari 2021.
- viii. MoU dengan Persatuan Orang-Orang Pekak Pulau Pinang untuk memberi peluang kepada Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mengikuti mesyuarat secara *online*.

- ix. Soal Selidik Penyediaan Bajet 2022 yang telah dilancarkan pada 26 Februari 2021 dengan kerjasama PWDC dan Penang Smart Parking.
- x. *Signage Nudges* #penangproduktif di hadapan Menara Bandaraya di persimpangan Jalan Perda Utama, Jalan Perda Barat, Jalan Perda Timur kerjasama antara MBSP dan MPC Wilayah Utara.

Behavioral Insight mempunyai matlamat utama meningkatkan *engagement* dengan rakyat untuk menambahbaik perkhidmatan penyampaian dengan rakyat.

**Yang Berbahagia Dr, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Di kesempatan ini, saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada Yang Berbahagia Dr Mazrina Mohamed Ibramsah, Pengarah Wilayah Perbadanan Produktiviti Malaysia, Wilayah Utara dan Pegawai Pegawai Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) atas usaha dan inisiatif selaras dengan Wawasan *Penang2030* dan Visi MBSP.

Marilah kita menjayakan Wawasan *Penang2030* dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi (*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*).

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran **#penangproduktif**.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.